



JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA
ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSİ BIL. 1 /2021

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi
Pengarah Insolvensi Bahagian
Pengarah Insolvensi Negeri
Timbalan Pengarah Insolvensi
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi
Penolong Pengarah Insolvensi
Pegawai Insolvensi Utama
Ketua Cawangan
Pegawai Insolvensi

GARIS PANDUAN
MENGELUARKAN NOTIS KEPADA PEMIUTANG MENGENAI NIAT UNTUK
MENGELUARKAN PERAKUAN PELEPASAN
DI BAWAH SEKSYEN 33A AKTA INSOLVENSİ 1967
DAN KAEDAH 194 KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSİ 2017

TUJUAN

1. Garis Panduan ini dikeluarkan bertujuan untuk menetapkan tatacara untuk mengeluarkan Notis Kepada Pemiutang Mengenai Niat Untuk Mengeluarkan Perakuan Pelepasan Di Bawah Seksyen 33A Akta Insolvensi 1967 Dan Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 sebagai panduan kepada semua pegawai. Selain itu ia juga bertujuan untuk

menyelaraskan semula perubahan bidang kuasa di antara cawangan dan Ibu Pejabat yang memberi kesan kepada Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil.13/2018, Arahan Jabatan (Kebankrapan) Bil.3/2012 dan Arahan Jabatan (Kebankrapan) Bil.1/2012.

LATAR BELAKANG

2. Pada 6 Oktober 2017, Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*] telah berkuatkuasa bagi menggantikan Akta Kebankrapan 1967. Susulan itu juga pindaan turut dilakukan ke atas Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 yang dipinda kepada Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017. Antara perubahan dasar dalam pindaan akta tersebut ialah pindaan terhadap seksyen 33B iaitu penambahan subseksyen 33B(2A) Akta 360. Seksyen tersebut memperuntukkan bahawa mana-mana pemiutang tidak boleh membantah niat Ketua Pengarah Insolvensi (selepas ini disebut sebagai KPI) untuk melepaskan bankrap di bawah seksyen 33A mengikut kategori berikut:

- (a) Seseorang bankrap yang disebabkan menjadi penjamin sosial;
- (b) Seseorang bankrap yang berdaftar sebagai Orang Kurang Upaya menurut *Persons with Disabilities Act 2008* [*Act 685*];
- (c) Bankrap telah meninggal dunia; dan
- (d) Seseorang bankrap yang menderita disebabkan penyakit yang serius dan disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

3. Walaupun Akta Insolvensi 1967 telah berkuatkuasa, Akta Kebankrapan 1967 juga masih turut terpakai. Pemakaian kedua-dua akta tersebut adalah seperti berikut:

- (a) **Akta Kebankrapan 1967** terpakai bagi kes-kes kebangkrutan yang mana Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman adalah sebelum 6 Oktober 2017 serta kes-kes tersebut masih belum selesai.

- (b) **Akta Insolvensi 1967** terpakai bagi kes-kes yang mana Notis Kebankrapan adalah bertarikh 6 Oktober 2017 dan ke atas.

4. Namun demikian, bagi pindaan kepada subseksyen 33B(2A) Akta 360 ianya masih terpakai kepada semua kes kebangkrutan termasuklah kes-kes kebangkrutan sebelum 6 Oktober 2017 (*retrospective*) dengan merujuk kepada peruntukan Seksyen 60 Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017 [Akta A1534] yang memperuntukkan seperti berikut:

“Saving

60. (1) This Act shall not apply to a debtor or a bankrupt against whom a receiving order or adjudication has been made before the coming into operation of this Act.

(2) All proceedings, actions or other matters required to be done under the principal Act which are still pending immediately before the coming into operation of this Act shall be continued or concluded under the principal Act as if the principal Act had not been amended by this Act.

(3) Notwithstanding subsection (1), subsection 33B(2A) shall apply to a person who has been adjudged bankrupt before the coming into operation of this Act.”

5. E-mel daripada Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik bertarikh 12 Mac 2018 turut menjelaskan pemakaian kedua-dua akta tersebut seperti di **LAMPIRAN A.**

6. Selain daripada itu, pencapaian pelepasan Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi (Sijil KPI) telah dijadikan sebagai *Key Performance Indeks (KPI)* kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri sejak tahun 2017. Sehubungan itu, terdapat perubahan dasar dalam sesetengah proses pelepasan Sijil KPI bagi mempercepatkan

proses pengeluaran Sijil KPI. Antara perubahan dasar Jabatan yang berlaku ialah perubahan bidangkuasa di antara Ibu Pejabat dan cawangan sebagaimana Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil.13/2018 yang telah menurunkan kuasa untuk memberi tarikh kuat kuasa pelepasan Sijil KPI serta mencetak Sijil KPI di cawangan. Arahan ini menyebabkan sebahagian proses dalam Arahan Jabatan (Kebankrapan) Bil.1/2012 dan Arahan Jabatan (Kebankrapan) Bil.3/2012 telah tidak terpakai manakala sebahagian lagi proses dalam kedua-dua arahan tersebut masih terpakai.

7. Walau bagaimanapun proses mencetak Sijil KPI yang diturunkan kuasa kepada cawangan, telah ditarik balik menjadi bidang tugas Ibu Pejabat berdasarkan keputusan dalam Mesyuarat Pengarah-Pengarah Insolvensi Negeri Bil. 2/2018. Oleh itu, Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil.13/2018, Arahan Jabatan (Kebankrapan) Bil.3/2012 dan Arahan Jabatan (Kebankrapan) Bil.1/2012 perlu diperbaiki dengan menyusun semula proses kerja yang teratur dalam garis panduan ini.

8. Lanjutan itu, arahan dan garis panduan ini dikeluarkan bagi menggariskan proses-proses kerja selepas pengeluaran Notis Kepada Pemiutang Mengenai Niat Untuk Mengeluarkan Perakuan Pelepasan Di Bawah Seksyen 33A Akta 360 Dan Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 serta menyeragamkan penggunaan borang-borang yang berkaitan bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan pegawai sama ada di Ibu Pejabat mahupun di cawangan dan selanjutnya untuk membatalkan arahan-arahan yang telah tidak terpakai.

PENGUNAAN BORANG-BORANG YANG TEPAT

9. Bagi kes-kes yang mana Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman adalah sebelum 6 Oktober 2017, Notis Kepada Pemiutang Mengenai Niat Untuk Mengeluarkan Perakuan Pelepasan Di Bawah Seksyen 33A Akta Insolvensi 1967 hendaklah dikeluarkan menggunakan **Borang 51B Kaedah 194B Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969**.

10. Manakala bagi kes-kes di mana Notis Kebankrapannya adalah selepas tarikh 6 Oktober 2017, hendaklah menggunakan **Borang 96 Kaedah 194 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017** seperti di **LAMPIRAN B**.

11. Penggunaan **Borang 96** juga adalah terpakai kepada kes-kes di bawah kategori seksyen 33B(2A) Akta Insolvensi 1967 sama ada kes kebangkrutan tersebut sebelum atau selepas 6 Oktober 2017 (rujuk perenggan 4 di atas).

12. Penggunaan borang-borang yang tepat dijelaskan melalui Jadual di bawah :

BORANG / TARIKH PERINTAH	BORANG 51B	BORANG 96
TARIKH PERINTAH SEBELUM 6 OKTOBER 2017	• Terpakai kepada semua kes • Tidak terpakai ke atas kes di bawah kategori seksyen 33B(2A) Akta 360	Terpakai hanya kepada kes di bawah kategori seksyen 33B(2A) Akta 360
TARIKH PERINTAH SELEPAS 6 OKTOBER 2017	Tidak terpakai	Terpakai kepada semua kes

13. Borang 51B / Borang 96 yang dihantar kepada pemiutang hendaklah dilampirkan bersama Borang 51C / Borang 97. Bagi Borang 96 di bawah kategori seksyen 33B(2A) Akta 360, Borang 97 tidak perlu dilampirkan bersama Borang 96.

14. Borang 51B / Borang 96 hendaklah dikeluarkan kepada pemiutang yang memfailkan Borang Bukti Hutang (BBH) serta **BBH mereka diperakui**. Borang tersebut hendaklah dikeluarkan **dalam masa tiga (3) hari** dari tarikh keputusan Jawatankuasa Pelepasan (JKP) dibuat atau **dalam masa tiga (3) hari** dari tarikh cawangan menerima salinan keputusan permohonan pelepasan bankrap.

15. Sekiranya pemiutang telah memfailkan BBH, namun BBH telah ditolak oleh cawangan dan pemiutang pula tidak mengakas atau memfailkan semula BBH, maka Borang 51B / Borang 96 tidak perlu dikeluarkan kepada pemiutang tersebut.

16. Borang 51B / Borang 96 hendaklah disampaikan kepada pemiutang melalui Pos Berdaftar. Affidavit pengeposan hendaklah disediakan oleh cawangan **dalam masa tujuh (7) hari** dari tarikh Borang 51B / Borang 96 dihantar kepada pemiutang. Salinan asal bukti pengeposan dan sesalinan rekod penghantaran hendaklah disimpan dalam fail bankrap yang berkenaan bersama affidavit pengeposan bagi tujuan menentukan pengiraan tempoh dua puluh satu (21) hari penyampaian borang-borang tersebut.

17. Pengiraan tempoh dua puluh satu (21) hari adalah bermula **tiga (3) hari** selepas tarikh notis dipos. Tempoh pengiraan adalah termasuk hari cuti mingguan dan cuti umum. Sebagai contoh, Borang 51B / Borang 96 yang diposkan pada 1 April 2019 dianggap telah diserahkan dengan sempurna pada 5 April 2019 (**3 hari dari tarikh pengeposan**). Perkara ini telah dijelaskan oleh Bahagian Dasar, Perundangan & Komunikasi Strategik melalui e-mel bertarikh 8.11.2018 (**LAMPIRAN C**).

TINDAKAN SELEPAS BORANG 51B / BORANG 96 DIKELUARKAN

18. Sekiranya dalam tempoh 21 hari pemiutang tidak mengemukakan bantahan melalui Borang 51C / Borang 97, cawangan hendaklah mengeluarkan tarikh kuat kuasa pelepasan Sijil KPI. Sebelum tarikh kuat kuasa pelepasan dikeluarkan, Pegawai di cawangan hendaklah menyediakan satu laporan iaitu Laporan Pengesahan Tiada

Bantahan (LPTB) seperti di **LAMPIRAN D dalam masa tujuh (7) hari** dari tarikh tamat tempoh 21 hari.

19. Bagi kes-kes tiada BBH difailkan oleh mana-mana pemiutang termasuk pempetisyen, Pegawai di cawangan hendaklah menyediakan satu laporan iaitu Laporan Pengesahan Tiada Bukti Hutang (LPTBH) seperti di **LAMPIRAN E** sebelum meneruskan tindakan mengeluarkan tarikh kuat kuasa pelepasan Sijil KPI.

20. Sekiranya terdapat bantahan diterima daripada Pemiutang, cawangan hendaklah mengemukakan bantahan tersebut bersama Laporan Bantahan kepada Bahagian Kebankrapan Ibu Pejabat **dalam masa tujuh (7) hari** dari tarikh notis bantahan diterima. Laporan Bantahan yang lengkap hendaklah mengandungi dokumen-dokumen berikut:

- (a) salinan Borang 51B / Borang 96;
- (b) salinan Borang 51C / Borang 97; dan
- (c) Salinan surat pemiutang / peguam pemiutang yang membantah.

21. Laporan Bantahan hendaklah menggunakan laporan seperti dalam **LAMPIRAN F**.

22. Laporan Bantahan yang dikemukakan kepada Bahagian Kebankrapan akan dikaji dan diangkat kepada KPI / Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi (TKPI) dalam bentuk Memo Perhubungan untuk pertimbangan dan keputusan KPI / TKPI. Memo Perhubungan hendaklah disediakan **dalam masa tujuh (7) hari** dari tarikh dokumen lengkap diterima daripada cawangan. Surat keputusan bantahan hendaklah dikeluarkan **dalam masa tujuh (7) hari** dari tarikh keputusan diterima daripada KPI / TKPI.

23. Sekiranya KPI / TKPI memutuskan menerima bantahan pemiutang, cawangan hendaklah meneruskan pentadbiran kes untuk tempoh dua (2) tahun sebelum penilaian semula.

24. Namun, sekiranya KPI / TKPI memutuskan untuk menolak bantahan pemiutang, maka Bahagian Kebankrapan akan mengeluarkan surat penolakan bantahan kepada

pemiutang yang membantah. Sekiranya pemiutang tidak berpuas hati dengan keputusan KPI / TKPI, pemiutang dalam tempoh 21 hari dari tarikh pemiutang diberitahu / tarikh penyampaian tentang keputusan penolakan bantahan tersebut, memohon di Mahkamah satu perintah menghalang KPI mengeluarkan Sijil KPI.

25. Sekiranya tiada permohonan difailkan di Mahkamah oleh pemiutang selepas berakhirnya tempoh 21 hari tersebut, maka cawangan hendaklah menyediakan Laporan Pengesahan Pengeluaran Sijil Pelepasan (**LAMPIRAN G**) **selepas tujuh (7) hari** (*grace period*) dari tarikh tempat tempoh 21 hari. *Grace period* diperlukan bagi tujuan cawangan membuat semakan dengan teliti sama ada terdapat bantahan difailkan di Mahkamah yang tidak disalinkan kepada cawangan / Ibu Pejabat.

26. **LAMPIRAN G** juga terpakai dalam keadaan permohonan pemiutang menghalang Sijil KPI dikeluarkan telah ditolak oleh Mahkamah. Oleh itu, cawangan hendaklah mengeluarkan Tarikh Kuat kuasa Sijil Pelepasan KPI **tujuh (7) hari** selepas Mahkamah memberikan keputusan. Minit Kehadiran Mahkamah hendaklah direkodkan dan disimpan di dalam fail pentadbiran.

27. Bagi kes-kes di bawah kategori seksyen 33B(2A) Akta 360, *grace period* adalah **selama tujuh (7) hari** dari tarikh pengeposan Borang 96. Selepas tempoh tersebut cawangan boleh mengeluarkan tarikh kuat kuasa pelepasan Sijil KPI. Sebelum tarikh kuat kuasa diberi Pegawai hendaklah menyediakan satu laporan iaitu Laporan Pengesahan Pengeluaran Sijil Seksyen 33B(2A) (**LAMPIRAN G1**).

28. Bagi **LAMPIRAN D / LAMPIRAN E / LAMPIRAN G / LAMPIRAN G1**, ianya hendaklah diluluskan oleh PIN / PPIN / KC. Tarikh kelulusan PIN / PPIN / KC adalah dikira sebagai tarikh kuat kuasa pelepasan Sijil KPI.

29. PIN / PPIN / KC boleh menurunkan kuasa kepada pegawai kanannya untuk meluluskan **LAMPIRAN D / LAMPIRAN E / LAMPIRAN G / LAMPIRAN G1** dalam masa

ketiadaan PIN / PPIN / KC. Dalam keadaan ketiadaan PIN / PPIN / KC dan ia perlu tindakan **SEGERA**, cawangan hendaklah mendapatkan arahan daripada Ibu Pejabat sebagai contoh, bankrap perlu pergi ke luar negara pada kadar segera dan **LAMPIRAN D / LAMPIRAN E / LAMPIRAN G / LAMPIRAN G1** belum diluluskan oleh PIN / PPIN / KC.

30. Sekiranya terdapat bantahan yang dikemukakan oleh pemiutang bagi kes di bawah kategori seksyen 33B(2A) Akta 360, cawangan hendaklah menolak bantahan tersebut mengikut format seperti di **LAMPIRAN H**.

31. Manakala bagi bantahan pemiutang yang diterima di luar tempoh masa yang ditetapkan, cawangan hendaklah menolak bantahan pemiutang melalui surat penolakan seperti di **LAMPIRAN I**.

KRITERIA PENGELUARAN BORANG 51B KAEDAH 194 KAEDAH-KAEDAH KEBANKRAPAN 1969 / BORANG 96 KAEDAH 194 KAEDAH-KAEDAH INSOLVENS 2017

32. Dalam mengeluarkan Borang 51B / Borang 96 kepada pemiutang, cawangan hendaklah mematuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan dalam Arahan KPI Bil.1/2020 dan Adendum Arahan KPI Bil.1/2020 disamping mematuhi syarat wajib iaitu pentadbiran kes hendaklah mencapai **lima (5) tahun** dan lebih.

33. Bagi kes-kes di bawah kategori seksyen 33A, dokumen-dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

- (a) Kebankrapan adalah disebabkan menjadi penjamin sosial:
 - i. Perjanjian Pinjaman; atau
 - ii. Perjanjian Penjamin (*Guarantee Agreement*); atau
 - iii. Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan; dan
 - iv. Penghakiman.
- (b) Bagi bankrap seorang OKU :
 - i. Bankrap perlulah mengemukakan kad OKU / pendaftaran OKU.
- (c) Bagi bankrap yang telah meninggal dunia :
 - i. Salinan sijil kematian; atau
 - ii. Carian myIDENTITY yang mengesahkan bankrap telah meninggal dunia.
- (d) Bagi bankrap yang menghidap penyakit yang serius :
 - i. Laporan Perubatan / surat yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan menyatakan penyakit dan keadaan pesakit.

PROSEDUR SELEPAS KUAT KUASA PELEPASAN SIJIL KPI

34. Setelah tarikh kuat kuasa dikeluarkan, cawangan hendaklah mengeluarkan surat makluman kepada bekas bankrap memaklumkan bahawa pelepasan melalui Sijil Pelepasan KPI telah dikuatkuasakan. Surat tersebut juga memberi pilihan kepada bekas bankrap untuk mendapatkan Sijil Pelepasan KPI pada harga yang ditetapkan. Format surat makluman adalah seperti **LAMPIRAN J** atau **LAMPIRAN J1**.

35. Bayaran fi Sijil Pelepasan KPI adalah seperti berikut:

Keadaan	Fi Sijil Pelepasan KPI (RM)
Kes-kes kebangkrapan yang mana Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman sebelum 6 Oktober 2017	10.00
Kes-kes kebangkrapan yang mana Perintah Kebankrapan dijatuhkan selepas 6 Oktober 2017. Bagi perintah yang dijatuhkan selepas 6 Oktober 2017, ianya ditentukan menerusi tarikh Notis Kebankrapan iaitu selepas 6 Oktober 2017.	50.00

36. Selain daripada memaklumkan status pelepasan kepada bekas bankrap, cawangan juga hendaklah mengambil tindakan berikut:

- (a) Mengemaskini sistem INSIST tidak lewat daripada hari bekerja yang berikutnya;
- (b) Mengemaskini MyImms tidak lewat daripada hari bekerja yang berikutnya;
- (c) Menghantar Notis Pelepasan kepada Mahkamah dalam masa **tujuh (7) hari** dari tarikh kuatkuasa Pelepasan Sijil KPI; – dan
- (d) Mengiklankan Notis Pelepasan dalam akhbar tempatan dalam masa **tujuh (7) hari** dari tarikh kuatkuasa Pelepasan Sijil KPI.

37. Setelah dimaklumkan oleh bekas bankrap bahawa beliau ingin mendapatkan Sijil Pelepasan KPI, cawangan hendaklah mengemukakan salinan resit bayaran dan maklumat bekas bankrap kepada Ibu Pejabat bagi tujuan cetakan sijil. Maklumat bekas bankrap hendaklah diisi ke dalam format yang disediakan seperti di **LAMPIRAN K**.

38. Pihak cawangan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kesahihan dan ketepatan maklumat yang dibekalkan bagi tujuan cetakan Sijil Pelepasan KPI.

39. Seterusnya, proses mencetak Sijil Pelepasan KPI akan dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat. Sebaik sahaja Sijil Pelepasan KPI dicetak dan ditandatangani oleh KPI, ianya akan dikembalikan kepada cawangan.

40. Sijil yang telah dicetak akan direkodkan dalam Buku Daftar Rekod Sijil Pelepasan KPI dan akan dikemaskini oleh Pegawai dari semasa ke semasa.

41. Selanjutnya, bekas bankrap hendaklah mengisi Borang Akuan Penerimaan Sijil Pelepasan KPI seperti **LAMPIRAN L**, sebagai bukti bahawa sijil telah dituntut oleh bekas bankrap.

42. Namun sekiranya bekas bankrap tidak dapat hadir untuk menuntut sijil yang telah dicetak, bekas bankrap boleh memberi kuasa kepada pihak lain untuk menuntut sijil yang telah dicetak. Pihak yang telah diberi kuasa oleh bekas bankrap hendaklah mengemukakan surat turun kuasa daripada bekas bankrap seterusnya mengisi borang seperti di **LAMPIRAN L1** sebagai bukti penyerahan dan penerimaan Sijil KPI.

43. Manakala bagi pihak-pihak yang berkepentingan pula hendaklah mengisi borang seperti di **LAMPIRAN L2**.

KUAT KUASA

44. Garis Panduan ini hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Garis Panduan ini dikeluarkan.

45. Sehubungan itu, Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil.13/2018, Arahan Jabatan (Kebankrapan) Bil.3/2012 dan Arahan Jabatan (Kebankrapan) Bil.1/2012 dibatalkan.



(DATO' ANITA HARUN)

Ketua Pengarah Insolvensi

17 Mac 2021

From: NAHRA BINTI DOLLAH
Sent: Monday, March 12, 2018 11:19 AM
To: Mdl - Pengarah Bahagian <g.pengarah.mdi@mdi.gov.my>; Mdl - Ketua Cawangan <g.kc.mdi@mdi.gov.my>; Mdl - Semua Staf <g.staf.mdi@mdi.gov.my>
Cc: Datuk Meor Hashimi Bin Abdul Hamid <hashimi.hamid@mdi.gov.my>; AHMAD ANKAMIL BIN SHAARI <ahmad.shaari@mdi.gov.my>
Subject: PENCERAHAN BERHUBUNG PEMAKAIAN PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA INSOLVENSİ 1967
Importance: High

Semua Pengarah Bahagian,
 Semua Pengarah Insolvensi Negeri,
 Semua Ketua Cawangan,
 Semua Staf Mdl,

Tuan/Puan,

Sebagaimana tuan/puan sedia maklum, Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017 [Akta A1534] telah mula berkuat kuasa pada 6 Oktober 2017. Walau bagaimanapun Bahagian ini telah dimaklumkan bahawa masih terdapat kekeliruan di kalangan pegawai di Cawangan berhubung pemakaian pindaan-pindaan kepada Akta Insolvensi 1967 [Akta 360].

2. Oleh yang demikian, Bahagian ini ingin memberikan pencerahan berhubung perkara-perkara berikut:

(a) Selepas 6 Oktober 2017, terdapat dua jenis pentadbiran kes kebangkrutan iaitu:

Mengikut Akta Kebankrapan 1967	(1) Kes-kes kebangkrutan yang Perintah Penerimaan dan Perintah Penghakimannya adalah sebelum 6 Oktober 2017; dan (2) Kes-kes tersebut masih belum selesai.
Mengikut Akta Insolvensi 1967	(1) Prosiding kebangkrutan yang mengguna pakai Akta Insolvensi 1967 adalah bermula dari tarikh Notis Kebankrapan yang bertarikh 6 Oktober 2017 dan ke atas. (2) Hanya pindaan kepada subseksyen 33B(2A) Akta Insolvensi 1967 sahaja yang terpakai kepada

semua kes kebangkrapan termasuklah sebelum 6 Oktober 2017 (retrospektif).

- (b) Peruntukan undang-undang adalah berdasarkan kepada **seksyen 60 Akta A1534** seperti berikut:

"Saving

60. (1) *This Act shall not apply to a debtor or a bankrupt against whom a receiving order or adjudication has been made before the coming into operation of this Act.*

(2) *All proceedings, actions or other matters required to be done under the principal Act which are still pending immediately before the coming into operation of this Act shall be continued or concluded under the principal Act as if the principal Act had not been amended by this Act.*

(3) *Notwithstanding subsection (1), subsection 33B(2A) shall apply to a person who has been adjudged bankrupt before the coming into operation of this Act."*

- (c) Subseksyen 60(2) Akta A1534 **adalah terpakai bagi kes-kes yang Notis Kebankrapannya adalah sebelum 6 Oktober 2017.**

3. Bersama-sama ini dikemukakan salinan lembut Akta A1534 dan Warta Kerajaan Persekutuan tentang Permulaan Tarikh Kuat Kuasa Akta A1534 sebagai rujukan.

Sekian, terima kasih.

Nahra Binti Dollah
Pengarah Insolvensi
Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik
Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl)
Putrajaya

Tel : 03 8885 1310
Faks : 03 8885 1855

NO. 96
(Kaedah 194)

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI
DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO. 29-

Ber :
No. K/P :

Exp :

Kepada :

1. Pemiutang 1

.....
.....
.....

2. Pemiutang 2

.....
.....
.....

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG MENGENAI NIAT UNTUK MENGELUARKAN
PERAKUAN PELEPASAN DI BAWAH SEKSYEN 33A (k.194)**

AMBIL PERHATIAN BAHAWA Ketua Pengarah Insolvensi bagi harta bankrap bernama di atas berhasrat untuk mengeluarkan suatu Perakuan pelepasan kebangkrapan daripada bankrap.

DAN SELANJUTNYA AMBIL PERHATIAN bahawa apa-apa bantahan yang anda mungkin perlu untuk pengeluaran Perakuan yang memberhentikan bankrap daripada kebangkrapan hendaklah dalam masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh penyampaian notis itu diberitahu kepada Ketua Pengarah Insolvensi yang menyatakan alasan bantahan anda.

*** KETAHUILAH** bahawa tiada bantahan akan dibuat terhadap bankrap yang disebutkan di atas menurut subseksyen 33B (2A) Akta.

****** Bankrap adalah tergolong di bawah kategori berikut:

- (e) Seseorang bankrap yang disebabkan menjadi penjamin sosial;
- (f) Seseorang bankrap yang berdaftar sebagai Orang Kurang Upaya menurut *Persons with Disabilities Act 2008 [Act 685]*;
- (g) Bankrap telah meninggal dunia; dan
- (h) Seseorang bankrap yang menderita disebabkan penyakit yang serius dan disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

Bertarikh pada

(.....)
Pengarah Negeri
Jabatan Insolvensi Malaysia
Cawangan
b.p. Ketua Pengarah Insolvensi

*** Potong mana-mana yang tidak berkaitan**

**** Hitamkan yang mana berkaitan**

SANIFAH BINTI MD AFANDI

From: NUR FAIZAH BINTI ABDUL SANI
 Sent: Thursday, November 8, 2018 12:40 PM
 To: Mdi - Staf HQ Bahagian Kebankrapan
 Subject: FW: RALAT: PENGIRAAN TEMPOH MASA BAGI PENERIMAAN BANTAHAN
 PEMIUTANG BAGI TUJUAN SUBSEKSYEN 33(2) AKTA INSOLVENS 1967 [AKTA 360]

Tuan/Puan,

Untuk makluman.

Sekian, terima kasih.

Nur Faizah Abdul Sani
 Penolong Pengarah Insolvensi (*Assistant Director of Insolvency*)
 Bahagian Kebankrapan
 Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi)

☎ 03 – 8885 1334 | ✉ faizah.sani@mdi.gov.my | 🌐 www.mdi.gov.my
 📘 www.facebook.com/insolvensi | 📺 Insolvensi Mdi

From: NAHRA BINTI DOLLAH
 Sent: Thursday, November 8, 2018 9:36 AM
 To: Mdi - Ketua Cawangan <g.kc.mdi@mdi.gov.my>; WAN ZAINUL AZAMIN BIN KHAMID @ ABD MAJID <zainul.abdmajid@mdi.gov.my>; SHAHRUL RIZAL BIN MAJID <shahrul.majid@mdi.gov.my>; NORINA BINTI ZAINOL ABIDIN <norina.zainol@mdi.gov.my>
 Cc: NORLIZA BINTI ZULKIFLI <norliza.zulkifli@mdi.gov.my>; STEPHANIE FRANKLIN LUSAT <stephanie.lusat@mdi.gov.my>; NAAIMAH BINTI OSMAN <naaimah.osman@mdi.gov.my>; AHMAD ANKAMIL BIN SHAARI <ahmad.shaari@mdi.gov.my>; Sh. Nooraini Syed Osman <nooraini.osman@mdi.gov.my>; SHARIFAH MARINA BINTI SAYEID DIN <sharifah.din@mdi.gov.my>; NUR FAIZAH BINTI ABDUL SANI <faizah.sani@mdi.gov.my>
 Subject: RALAT: PENGIRAAN TEMPOH MASA BAGI PENERIMAAN BANTAHAN PEMIUTANG BAGI TUJUAN SUBSEKSYEN 33(2) AKTA INSOLVENS 1967 [AKTA 360]

Tuan/Puan,

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan email Bahagian ini seperti dibawah yang bertarikh 8 Jun 2018 adalah berkaitan.

2. Di para 4(a) email bertarikh 8 Jun 2018 dibawah menyatakan bahawa, permulaan bagi tempoh pengiraan notis bantahan bagi subseksyen 33(2) Akta 360 adalah bermula sehari selepas tarikh notis. Setelah disemak, didapati terdapat kesilapan bagi tempoh pengiraan notis bantahan tersebut.

3. Seksyen 12 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388) menyatakan seperti berikut:

"Service by post

12. Where a written law authorizes or requires a document to be served by post, then, until the contrary is proved, service—

- (a) shall be presumed to be effected by properly addressing, prepaying and posting by registered post a letter containing the document; and
- (b) shall be presumed to have been effected at the time when the letter would have been delivered in the ordinary course of the post."

4. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Maxland Sdn Bhd v Timatch Sdn Bhd* [2014] MLJU 842 memutuskan bahawa berdasarkan prinsip 'presumption' dalam seksyen 12 (b) Akta 388, Writ Saman yang diposkan pada 29.1.2011 dianggap telah diserahkan dengan sempurna pada 2.2.2011 (3 hari dari tarikh pengposan):

"[10] The Court of Appeal affirmed the decision of the learned Judicial Commissioner of the High Court and in its decision inter alia stated as follows:

*"We find that the JID entered on the 16 February 2011 was a regular judgment. The learned Judicial Commissioner was correct in his findings that the defendant was late in entering its appearance as based on the prima facie presumption the writ which was posted on the 29 January 2011 would have reached the defendant by the 2 February 2011. Under O 12 r 4 of the RHC, the time limited for the defendant to enter its appearance is ten days after the writ of summons is served (including the day of service). Under section 12 of the Interpretation Act 1967 service of a particular document by post shall be presumed to have been effected at the time when the letter would have been delivered in the ordinary course of post. Based on this presumption, the writ of summons posted by the plaintiff via registered post on the 29 January 2011 was deemed to have reached the defendant on 2 February 2011. Accordingly, the appearance should have been entered on or before the 11 February 2011. The presumption of posting is a prima facie evidence that a particular document is served after the relevant period of time. This presumption is rebuttable. The issue on presumption of posting of a writ was duly addressed in the case of *Yap Ke Heat & Ors v Pembangunan Warisan Murni Sejahtera Sdn Bhd & Anor.* (supra) wherein His lordship James Foong, JCA (as he then was) remarked the following: 'Once the writ and statement of claim are sent by AR registered post, it is prima facie proof of service unless the defendant is able to rebut this.'*

We accept the foregoing statement as a correct statement of law and we have no reasons to depart from the same."

5. Oleh yang demikian, selaras dengan seksyen 12 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388) dan keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes di para 4 di atas, tempoh pengiraan notis bantahan bagi subseksyen 33(2) Akta 360 adalah bermula tiga (3) hari selepas tarikh notis dipos. Sebagai contoh, jika notis dihantar pada 1 November 2018, tempoh 21 hari adalah bermula pada 5 November 2018, iaitu tiga (3) hari selepas notis dipos. Seperti yang dinyatakan di dalam email bertarikh 8 Jun 2018 dibawah, tempoh pengiraan adalah termasuk hari cuti mingguan dan cuti umum.

Sekian, untuk makluman dan tindakan.

Nahra binti Dollah
 Pengarah Insolvensi (Director of Insolvency)
 Bahagian Dasar, Perundangan & Komunikasi Strategik
 Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI)

03 - 8885 1310 | nahra.dollah@mdi.gov.my | www.mdi.gov.my

LAPORAN PENGESAHAN TIADA BANTAHAN

NAMA BANKRAP :
 NO.K/P BANKRAP :
 NO.KES :
 TARIKH PP&PP :
 NO.RUJUKAN CAWANGAN :
 TARIKH KEPUTUSAN KPI/JKN :
 KEPUTUSAN KPI/JKN :
 ALASAN-ALASAN PELEPASAN :

(a)
 (b)
 (c)

TARIKH BORANG 51B / 96 DIKELUARKAN :
 TARIKH BORANG 51B / 96 DITERIMA PEMIUTANG :
 TARIKH TAMAT BORANG 51B / 96 :

Saya dengan ini mengesahkan bahawa tiada bantahan diterima daripada mana-mana pemiutang setelah Borang 51B / Borang 96 dikeluarkan pada dan tempoh 21 hari telah tamat pada Oleh itu, sijil pelepasan boleh dikeluarkan kepada bankrap dengan butiran-butiran seperti berikut (mengikut PP&PP):

NO.KES KEBANKRAPAN :
 MAHKAMAH TINGGI :
 NAMA :
 NO.K/P :
 EXPARTE :

Tandatangan:

.....
NAMA:
JAWATAN :
TARIKH :

Diluluskan / Tidak diluluskan

.....
 (NAMA)
 JAWATAN PIN / PPIN / KC

Tarikh :

LAPORAN PENGESAHAN TIADA BUKTI HUTANG

NAMA BANKRAP :
 NO.K/P BANKRAP :
 NO.KES :
 TARIKH PP&PP :
 NO.RUJUKAN CAWANGAN :
 TARIKH KEPUTUSAN KPI/JKN :
 ALASAN-ALASAN PELEPASAN :

- (a)
 (b)
 (c)
 (d)

Saya dengan ini mengesahkan bahawa tiada Bukti Hutang difailkan oleh mana-mana pemiutang dalam kes ini. Oleh itu, sijil pelepasan boleh dikeluarkan kepada bankrap dengan butiran-butiran seperti berikut (mengikut PP&PP):

NO.KES KEBANKRAPAN :
 MAHKAMAH TINGGI :
 NAMA :
 NO.K/P :
 EXPARTE :

Tandatangan:

.....
NAMA:
JAWATAN :
TARIKH :

Diluluskan / Tidak diluluskan

.....
 (NAMA)
 JAWATAN PIN / PPIN / KC

Tarikh :

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI _____

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO. _____

BER: __ (Nama Bankrap _____

____ (No. K/P Bankrap) _____

____ (Alamat Bankrap _____

EXPARTE: _____

LAPORAN BANTAHAN

Tujuan

1. Laporan ini disediakan bertujuan untuk mendapatkan arahan Ketua Pengarah Insolvensi berkenaan permohonan bantahan yang telah dikemukakan oleh pihak pemiutang ke atas kes berkenaan.

Latar Belakang

2. (a) Maklumat perihal bankrap

(i) Pekerjaan :

(ii) Pendapatan :

(iii) Status Perkahwinan :

(iv) Bil. Anak / umur anak :

(b) Maklumat perihal pentadbiran kes kebangkrapan

(i) No. Ruj. Fail :

(iii) Tarikh Perintah Penerimaan &
Perintah Penghukuman :

(iv) Sebab Kebankrapan :

Bil	Nama Pemiutang	Jumlah (RM)	Jumlah yang diperakui (RM)	Jenis Hutang
1				
JUMLAH BESAR				

(v) Bukti Hutang :

(v) Pengisytiharan Dividen

(a) Dividen telah dibayar :

Bil.	Tarikh	Jumlah bayar (RM)	Peratusan (%)

(b) Dividen yang boleh dibayar (RM dan %) :

(vi) Baki kredit estet terkini : RM

(vii) Status bayaran ansuran Bulanan : Kemaskini / Tertunggak

(viii) Jumlah bayaran dibuat : RM

(ix) Jumlah tertunggak : RM

(x) Tempoh tertunggak :

3. Maklumat pelepasan

(i) Tarikh keputusan KPI / JKN / JKP :

(ii) Alasan pelepasan

(a).....;

(b).....; dan

(c).....

4. Maklumat Bantahan Pemiutang

(i) Tarikh Borang 51B / Borang 96 dikeluarkan :

- (ii) Tarikh Tamat tempoh 21 hari :
- (iii) Nama dan alamat pemiutang
Yang membantah :
- (iv) Asas bantahan pemiutang :

5. Ulasan/pandangan PIN/PPIN/KC

- (i) Bantahan ditolak / diterima :
- (ii) Ulasan / alasan bantahan ditolak / alasan bantahan diterima :

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Disediakan Oleh

Disemak dan Disahkan Oleh:

.....

(Nama Pegawai)

.....

(Nama PIN/PPIN/KC)

Jawatan

Jawatan

Cawangan

Cawangan

Tarikh :

Tarikh

LAPORAN PENGESAHAN PENGELUARAN SIJIL PELEPASAN

NAMA BANKRAP :
 NO.K/P BANKRAP :
 NO.KES :
 TARIKH PP&PP :
 NO.RUJUKAN CAWANGAN :
 TARIKH KEPUTUSAN KPI/JKN :
 ALASAN-ALASAN PELEPASAN :

(a)
 (b)
 (c)

TARIKH BORANG 51B / 96 DIKELUARKAN :
 TARIKH BORANG 51B / 96 DITERIMA
 PEMIUTANG :
 TARIKH TAMAT BORANG 51B / 96 :
 TARIKH BANTAHAN PEMIUTANG
 (BORANG 51c / 97) :
 TARIKH BANTAHAN PEMIUTANG
 DITOLAK OLEH KPI :
 TARIKH KEPUTUSAN KPI DITERIMA
 PEMIUTANG :
 TARIKH TAMAT 21 HARI UNTUK
 PEMIUTANG MEMBUAT PERMOHONAN
 DI MAHKAMAH :
 TARIKH PEMIUTANG MEMBUAT
 PERMOHONAN DI MAHKAMAH :
 TARIKH KEPUTUSAN MAHKAMAH
 MENOLAK BANTAHAN PEMIUTANG :
 TARIKH PERINTAH MAHKAMAH
 DITERIMA OLEH CAWANGAN :

Saya dengan ini mengesahkan bahawa sijil pelepasan boleh dikeluarkan kepada bankrap atas alasan:

- (a) Bantahan pemiutang ditolak oleh Ketua Pengarah Insolvensi dan tiada permohonan dibuat oleh pemiutang ke mahkamah; atau
- (b) Mahkamah menolak permohonan bantahan pemiutang

***** (a) atau (b) - Potong mana-mana yang tidak berkaitan**

Oleh itu, sijil pelepasan boleh dikeluarkan kepada bankrap dengan butiran-butiran seperti berikut (mengikut PP&PP):

NO.KES KEBANKRAPAN :
MAHKAMAH TINGGI :
NAMA BANKRAP :
NO.K/P BANKRAP :
EXPARTE :

Tandatangan:

.....
NAMA:

JAWATAN :

TARIKH :

Diluluskan / Tidak diluluskan

.....
(NAMA)
JAWATAN PIN / PPIN / KC

Tarikh :

**LAPORAN PENGESAHAN PENGELUARAN SIJIL PELEPASAN
SEKSYEN 33B(2A)**

NAMA BANKRAP :
NO.K/P BANKRAP :
NO.KES :
TARIKH PP&PP :
NO.RUJUKAN CAWANGAN :
TARIKH KEPUTUSAN KPI/JKN :
ALASAN-ALASAN PELEPASAN :

- (a) Seseorang bankrap yang disebabkan menjadi penjamin sosial;
- (b) Seseorang bankrap yang berdaftar sebagai Orang Kurang Upaya menurut *Persons with Disabilities Act 2008 [Act 685]*;
- (c) Bankrap telah meninggal dunia; dan
- (d) Seseorang bankrap yang menderita disebabkan penyakit yang serius dan disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

**** (a), (b), (c), (d) - Hitamkan yang mana berkaitan**

TARIKH BORANG 96 DIKELUARKAN :
TARIKH TAMAT BORANG 96 :

Saya dengan ini mengesahkan bahawa sijil pelepasan boleh dikeluarkan kepada bankrap atas alasan:

- (a) Seseorang bankrap yang disebabkan menjadi penjamin sosial;
- (b) Seseorang bankrap yang berdaftar sebagai Orang Kurang Upaya menurut *Persons with Disabilities Act 2008 [Act 685]*;
- (c) Bankrap telah meninggal dunia; dan
- (d) Seseorang bankrap yang menderita disebabkan penyakit yang serius dan disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

**** (a), (b), (c), (d) - Hitamkan yang mana berkaitan**

Oleh itu, sijil pelepasan boleh dikeluarkan kepada bankrap dengan butiran-butiran seperti berikut (mengikut PP&PP):

NO.KES KEBANKRAPAN :
MAHKAMAH TINGGI :
NAMA BANKRAP :
NO.K/P BANKRAP :
EXPARTE :

Tandatangan:

.....

NAMA:

JAWATAN :

TARIKH :

Diluluskan / Tidak diluluskan

.....
(NAMA)

JAWATAN PIN / PPIN / KC

Tarikh :

SURAT BERDAFTAR

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami :
Tarikh : Mac 2018

Nama dan Alamat pemiutang/
Nama dan Alamat peguam Pemiutang

.....
.....

Poskod, Bandar, NEGERI

Tuan,

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO. :

BERNAMA :

NO. K/P : /

**PERMOHONAN PELEPASAN MELALUI KETUA PENGARAH INSOLVENSI DI
BAWAH SEKSYEN 33A AKTA INSOLVENSI 1967**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas, Notis Kepada Pemiutang Mengenai Niat Untuk Mengeluarkan Perakuan Pelepasan Di bawah Seksyen 33A (K194) bertarikh (Notis tersebut) dan surat tuan bertarikh

2. Untuk makluman tuan, subseksyen 33B(2A) Akta Insolvensi 1967 menghalang pemiutang mengemukakan bantahan terhadap keputusan Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) untuk melepaskan bankrap daripada kebankrapannya.

3. Sekiranya terdapat aset bankrap yang tidak dihasilkan semasa kebankrapannya, tindakan penghasilan boleh dilaksanakan di bawah seksyen 35A Akta 360.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(**NAMA PIN / PPIN / KC**)

Pengarah Negeri / Penolong Pengarah Negeri / Ketua Cawangan

Jabatan Insolvensi Malaysia

Cawangan

b.p. Ketua Pengarah Insolvensi

s.k.

Pengarah Insolvency Bahagian Kebankrapan

Jabatan Insolvency Malaysia

Aras 2 & 3, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang

62692 Presint 3 Putrajaya.

(Ruj. Tuan :)

SURAT BERDAFTAR

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami :
Tarikh : Mei 2018

Nama dan Alamat pemiutang/
Nama dan Alamat peguam Pemiutang

.....

.....

Poskod, Bandar, NEGERI

Tuan,

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO.:

BERNAMA :

NO.K/P : /

PELEPASAN MELALUI SIJIL PELEPASAN KETUA PENGARAH INSOLVENSII

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, Jabatan ini telah mempertimbangkan bantahan yang dikemukakan oleh tuan dan telah membuat keputusan untuk menolak bantahan tersebut kerana dikemukakan diluar tempoh masa yang ditetapkan menurut seksyen 33B(2) Akta Insolvensi 1967.

3. Walau bagaimanapun, mengikut seksyen 33B(4) Akta Insolvensi 1967, tuan boleh mengemukakan permohonan ke mahkamah dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh tuan diberitahu tentang penolakan ini untuk menghalang Ketua Pengarah Insolvensi daripada mengeluarkan Sijil Pelepasan kepada bankrap.

4. Kegagalan tuan membuat permohonan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan akan membenarkan Ketua Pengarah Insolvensi mengeluarkan Sijil Pelepasan kepada bankrap. Sekiranya pihak tuan memfailkan permohonan, sila kemukakan sesalinan Notis Permohonan dan Affidavit Sokongan kepada cawangan yang mentadbir kes.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(**NAMA PIN / PPIN / KC**)
Pengarah Negeri / Penolong Pengarah Negeri / Ketua Cawangan
Jabatan Insolvency Malaysia
Cawangan
b.p. Ketua Pengarah Insolvency

s.k.:

Pengarah Insolvency Bahagian Kebankrapan
Jabatan Insolvency Malaysia
Aras 2 & 3, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang
62692 Presint 3 Putrajaya.
(Ruj. Tuan :)

Ruj. Kami :
Tarikh :

Alamat Bekas Bankrap
.....
.....

Poskod, Bandar, NEGERI

Tuan/Puan,

**PELEPASAN MELALUI SIJIL KETUA PENGARAH INSOLVENSI DI BAWAH
SEKSYEN 33A AKTA INSOLVENSI 1967**

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO. :

BERNAMA :

NO. K/P :

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia telah melepaskan tuan daripada kebangkrapan di bawah Seksyen 33A Akta Insolvensi 1967.

3. Sekiranya tuan ingin mendapatkan sijil pelepasan, sila hubungi(nama pegawai) di(no. telefon pegawai) dengan bayaran **RM10.00**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(**NAMA PIN/ KC**)

Pengarah Insolvensi Negeri / Penolong Pengarah Insolvensi Negeri / Ketua
Cawangan

b.p.Ketua Pengarah Insolvensi

Ruj. Kami :
Tarikh :

Alamat Bekas Bankrap

.....
.....

Poskod, Bandar, NEGERI

Tuan/Puan,

**PELEPASAN MELALUI SIJIL KETUA PENGARAH INSOLVENSII DI BAWAH
SEKSYEN 33A AKTA INSOLVENSII 1967**

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO. :

BERNAMA :

NO. K/P :

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia telah melepaskan tuan daripada kebangkrutan di bawah Seksyen 33A Akta Insolvensi 1967.

3. Sekiranya tuan ingin mendapatkan sijil pelepasan, sila hubungi(nama pegawai) di(no. telefon pegawai) dengan bayaran **RM50.00**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(**NAMA PIN/ KC**)

Pengarah Insolvensi Negeri / Penolong Pengarah Insolvensi Negeri / Ketua
Cawangan
b.p.Ketua Pengarah Insolvensi

LAMPIRAN K

DATA CETAKAN SIJIL (TARIKH : XX/XX/2021), CAWANGAN

BIL	NO SIJIL	NAMA BANKRAP	K/P	MAHKAMAH	NO KES	EX-PARTE	TARIKH KUATKUASA	RUJUKAN CAWANGAN
0	00001/2019 TWU	ALI BIN ABU	A1234567 / 123456-00- 1234	MAHKAMAH TINGGI TAWAU	T29-123- 4567	MAYBANK BERHAD	1 JANUARI 2021	MDI(TWU) 123/1111
1								
2								
3								
4								

* Nama bankrap seperti dalam my/IDENTITY

** Ex-parte seperti dalam penghakiman

**BORANG AKUAN PENERIMAAN
SIJIL PELEPASAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI
DI BAWAH SEKSYEN 33A AKTA INSOLVENSI 1967**

Bahawa saya, _____ No. Kad Pengenalan
_____ pada hari ini _____ (tarikh) jam
_____ telah mengambil sesalinan Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvency
dengan No. Siri _____ daripada Jabatan Insolvency Malaysia (MDI)
Cawangan _____ dan menyerahkan sesalinan resit bayaran
No. _____.

Diakui oleh,

NAMA :

Di hadapan saya,

NAMA PEGAWAI:

**BORANG AKUAN PENERIMAAN
SIJIL PELEPASAN KETUA PENGARAH INSOLVENSII
DI BAWAH SEKSYEN 33A AKTA INSOLVENSII 1967
(AUTHORISED PERSON)**

Bahawa saya, _____ No. K/P _____
telah diberi kuasa oleh _____ No. K/P _____
_____ pada hari ini _____ (tarikh) jam _____ telah
mengambil sesalanan Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvency dengan No. Siri
_____ daripada Jabatan Insolvency Malaysia (Mdi) Cawangan
_____ dan menyerahkan sesalanan resit bayaran No. _____.

Diakui oleh,

NAMA :

Di hadapan saya,

NAMA PEGAWAI

**BORANG AKUAN PENERIMAAN
SIJIL PELEPASAN KETUA PENGARAH INSOLVENSII
DI BAWAH SEKSYEN 33A AKTA INSOLVENSII 1967
(PIHAK YANG BERKEPENTINGAN)**

Bahawa saya, _____ No. Kad Pengenalan
_____ dari _____
(nyatakan nama agensi /jabatan/badan) pada hari ini _____ (tarikh) jam
_____ telah mengambil sesalinan Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvency
dengan No. Siri _____ daripada Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl)
Cawangan _____ dan menyerahkan sesalinan resit bayaran
No. _____.

Diakui oleh,

NAMA :

Di hadapan saya,

NAMA PEGAWAI:

